

11 SEP 2000

Mahathir-PAS

PM SEDIH PAS ISYTIHAR NABI MUHAMMAD PEMIMPIN PARTI ISLAM PERTAMA

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sebuah buku keluaran PAS mendakwa Nabi Muhammad S.A.W adalah pemimpin parti Islam pertama.

Sambil melahirkan rasa amat sedihnya, Perdana Menteri berkata PAS melalui buku bertajuk "Islam Optimis Melangkah Ke Alaf Baru. Mengapa Pilih Parti Islam" yang ditulis Ibnu Daullah telah sekali lagi didapati menghina agama Islam.

"Di dalam buku itu, Nabi Muhammad diisytiharkan sebagai pemimpin parti Islam pertama," katanya dengan membaca beberapa isi kandungan buku berkenaan.

Menurut beliau, buku berkenaan juga menyatakan bahawa selain PAS, parti lain adalah parti syaitan atau parti sekular.

"Tidak pula diterangkan siapa dia parti syaitan. Apakah parti Keadilan, DAP, Sosialis ataupun Umno yang merupakan parti syaitan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi di ibu pejabat parti di sini.

"Kalau DAP parti syaitan, (dengan) kesanggupan PAS bekerjasama dengan parti syaitan ini, sesuaiilah kenyataan (Menteri Besar Kelantan Datuk) Nik Aziz (Nik Mat) bahawa dia sanggup kerjasama dengan syaitan. Buku ini jelas menunjukkan pandangan PAS terhadap Nabi dan agama Islam," katanya.

Dr Mahathir turut membaca sebahagian lagi baris ayat yang terdapat dalam buku itu iaitu "Melalui parti Islam, baginda bukan sahaja berjaya satukan penduduk Madinah..."

Perdana Menteri berkata Umno menentang tindakan PAS mengeluarkan buku itu yang dianggap menghina Islam.

"Kita tak boleh kata Nabi Muhammad itu pemimpin parti Islam. Tuhan tak sampaikan wahyu kepada Nabi (Muhammad) supaya 'pergilah kamu tubuhkan parti Islam'...saya tak dengar...dalam al-Quran tak ada, dalam hadis pun tak ada," katanya.

Dr Mahathir berkata PAS sanggup menghina agama Islam kerana kepentingan parti.

"Saya amat sedih dengan penyalahgunaan agama oleh PAS. Dulu dia kata tuhan mencarut untuk menghalalkan buku Shahnnon Ahmad. Sekarang untuk menghalalkan parti PAS, dikatakan Nabi Muhammad pemimpin pertama bagi parti Islam.

"Kalau orang Islam di Malaysia masih tak sedar bahawa ini penyalahgunaan agama oleh PAS, saya tak tahulah apa yang akan menyedarkan mereka," katanya.

--BERNAMA

NZ MAM MAI